




EXTENDED ABSTRACT

**UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL TERJEMAHAN TWILIGHT**

Balakrishnan A/L Arumugam

*(Universiti Utara Malaysia) Email: starzone05@gmail.com*doi: <https://doi.org/10.33329/joell.6S1.19>**ABSTRACT**

Unsur Eufemisme sangat berkait dengan peraturan penggunaan bahasa yang bersopan dan beretika dalam komunikasi. Berdasarkan sorotan karya, ke banyakkian kajian eufemisme tertumpu kepada penggunaan bahasa dalam terjemahan, psikologi, pragmatik dan kerangka linguistik. Walau bagaimanapun, kajian eufemisme menunjukkan ketidakseimbangan dari segi penggunaan bahasa kerangka linguistik dan pragmatik. Kajian kerangka linguistik meliputi bentuk morfologi, sintaksis dan semantik. Manakala, kajian eufemisme aspek pragmatik meliputi bentuk fungsi dan norma. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis eufemisme dan menjelaskan pertalian eufemisme bentuk fungsi dan norma yang digunakan dalam novel terjemahan. Penyelidik telah menggunakan novel terjemahan Twilight Saga 1, 2, 3 dan 4 sebagai bahan kajian ini. Penyelidik menggunakan pendekatan Keith Allan dan Kate Burridge (2006) untuk mengelaskan unsur eufemisme, prinsip kesopanan Leech (1983) dan prinsip kesantunan Asmah (1980) untuk menjelaskan eufemisme fungsi dan norma. Penyelidik telah menggunakan kaedah analisis kandungan dalam menganalisis maklumat tersebut. Penyelidik telah mendapati unsur eufemisme dapat dikelaskan kepada 9 jenis serta wujudnya pertalian antara eufemisme aspek fungsi dan norma. Oleh itu, kajian eufemisme menjadi medium penting dalam menerapkan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: *Novel terjemahan Twilight, eufemisme, Pendekatan Keith Allan dan Kate Burridge (2006) serta Leech (1983) dan Asmah (1980).*